

AMALAN PENGURUSAN KUALITI SEBAGAI PERANTARA KE ATAS
SUMBER PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DENGAN PRESTASI
SYARIKAT BERTEKNOLOGI TINGGI

MASTORA BINTI MUSTAFAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

AMALAN PENGURUSAN KUALITI SEBAGAI PERANTARA KE ATAS
SUMBER PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DENGAN PRESTASI
SYARIKAT BERTEKNOLOGI TINGGI

MASTORA BINTI MUSTAFAR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Fakulti Pengurusan
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2016

Untuk suamiku tersayang Amran Maamor yang telah banyak berkorban disepanjang perjalanan tesis ini. Juga buat arwah ayah dan emak tercinta yang tidak putus-putus mendoakan kejayaanku. Akhirnya, buat anak-anak syurgaku, Muhammad Farish Zharif, Muhammad Luqman Husainy dan Muhammad Khalish Iman dengan adanya kalian menjadikan PhD ini lebih bermakna.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T., dengan izinNya tesis ini dapat juga disiapkan. Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia yang telah memberi peluang dan pengalaman yang amat berharga di sepanjang proses penyediaan tesis ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya iaitu Professor Dr. Amran Bin Md. Rasli yang telah banyak memberikan nasihat, tunjuk ajar dan ilmu kepakarannya disepanjang penyediaan tesis ini. Tambahan lagi, berkat kesabaran yang tinggi dan sudi meluangkan masa tidak kira hari cuti atau ketika beliau tidak sihat memberikan motivasi yang tinggi kepada saya untuk mendaki meneruskan perjalanan pengajian ini.

Jutaan terima kasih kepada suami saya, Amran Bin Maamor, yang sentiasa sedia memberikan dorongan semangat dan pengorbanan masa di dalam menjaga ketiga-tiga putera kecil kami ketika ketiadaan 'mama' disisi mereka iaitu Muhammad Farish Zharif (7 tahun), Muhammad Luqman Husainy (6 tahun) dan Muhammad Khalish Iman (4 tahun). Jutaan terima kasih kepada emak (Patimah Jonid) dan arwah ayah (Mustafar Mohd Sharif) di atas doa, kasih sayang dan sokongan moral yang tidak putus-putus untuk melihat kejayaan anak sulung mereka ini.

Saya juga ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat memberi kerjasama di dalam pengumpulan maklumat dan pembinaan soal selidik seperti agensi kerajaan, syarikat swasta dan individu. Akhir sekali, setinggi penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penyelidikan ini, nama yang tidak dapat disenaraikan satu persatu. Jasa kalian akan sentiasa dihargai dan semoga Allah jualah yang dapat membalasnya.

ABSTRAK

Persekitaran perniagaan telah berubah dengan ketara sejak beberapa dekad yang lalu. Usaha-usaha ke arah inovasi dan globalisasi telah meningkat disebabkan oleh peningkatan dalam hubungan dan saling kebergantungan antara pasaran dan segmen perniagaan yang berbeza di seluruh dunia. Dalam usaha untuk mengikuti perubahan, syarikat perlu melakukan transformasi ke atas pengurusan operasi konvensional sedia ada. Amalan pengurusan kualiti (QMP) merupakan amalan pengurusan operasi moden yang telah dikenalpasti menggalakkan keberkesanan prestasi syarikat oleh ramai penyelidik. Kajian literatur mendapati perlaksanaan QMP boleh memberikan kelebihan persaingan kepada syarikat untuk berdaya saing secara global dan mampan. Walau bagaimanapun, terdapat jurang yang wujud dalam perlaksanaan QMP di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ulasan literatur juga menunjukkan dapatan yang tidak konsisten berkenaan dengan hubungan antara sumber R&D dan prestasi syarikat. Terdapat kajian yang mengutarakan hasil R&D gagal berpunca dari produk yang tidak berkualiti tetapi ia tidak dibuktikan secara empirikal. Tambahan lagi, sangat sedikit kajian yang mengkaji hubungan antara sumber R&D, QMP dan prestasi syarikat. Justeru, penyelidikan ini dijalankan untuk membekalkan pembuktian secara empirikal. Objektif penyelidikan ini adalah untuk: (1) mengenalpasti dimensi kritikal bagi sumber R&D, QMP dan prestasi syarikat; (2) menilai dimensi sumber R&D, QMP dan prestasi syarikat; (3) menganalisis perbezaan tahap sumber R&D, QMP dan prestasi syarikat berdasarkan profil syarikat; dan (4) mengenalpasti hubungan QMP sebagai perantara antara sumber R&D dan prestasi syarikat. Pembangunan kerangka konsep adalah berdasarkan kepada teori pandangan berasaskan sumber. Tinjauan soal selidik melalui pos yang dipilih secara rawak telah dijalankan ke atas 100 buah syarikat berteknologi tinggi di Malaysia. 58 responden digunapakai untuk analisis seterusnya. Analisis ujian-t menunjukkan pihak pengurusan syarikat perlu memberi perhatian terhadap sumber R&D khususnya sumber kewangan dan infrastruktur. Di samping itu, pihak syarikat juga perlu meningkatkan usaha dalam QMP terutamanya dalam pengurusan sumber manusia. Selain itu, komitmen kualiti dan tumpuan pelanggan merupakan elemen yang penting dalam melaksanakan QMP. Prestasi syarikat bagi syarikat-syarikat berteknologi tinggi di Malaysia didapati berada di paras memuaskan. Analisis varians satu hala menunjukkan bahawa sumber R&D, QMP dan prestasi syarikat tidak berbeza mengikut saiz, kluster dan tempoh syarikat beroperasi. Hal ini menjelaskan bahawa tiada bukti yang mencukupi untuk menyokong wujudnya perbezaan berdasarkan pembuktian statistik. Analisis kuasa dua terkecil separa menyokong QMP sebagai perantara antara sumber R&D dan prestasi syarikat. Selain menyumbang dalam peningkatan pengetahuan dan kefahaman berkaitan hubungan antara QMP, sumber R&D dan prestasi syarikat dalam firma berteknologi tinggi, dapatan penyelidikan ini juga membolehkan pihak pengamal memperoleh pengetahuan yang lebih mendalam berhubung dengan kesan QMP di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

ABSTRACT

The business environment has changed significantly over the past few decades. Efforts toward innovation and globalization have increased due to the enhancement in the relationship and interdependence between markets and different business segments worldwide. In order to follow the changers, companies need to transform the conventional operations management. Quality management practices (QMP) is a modern operational management practice that have been found to promote effectiveness of company performance by many researchers. The literature review found that the QMP implementation can provide a competitive advantage to the company to be globally competitive and sustainable. However, there are gaps that exist in the implementation of QMP in research and development (R&D) area. Literature review also showed inconsistent findings regarding the relationship between R&D resources and company performance. There is a study which highlighted that the results of R&D failed due to poor quality products but failed to be proven empirically. Furthermore, there are very few studies that examined the relationship between R&D resources, QMP and company performance. Thus, this research is conducted to provide empirical evidence. The objectives of this research are to: (1) identify critical dimension of R&D resources, QMP and company performance; (2) evaluate the dimension of R&D resources, QMP and company performance; (3) analyze the different levels of R&D resources, QMP and company performance based on company profile; and (4) identify QMP as a mediator between R&D resources and company performance. The development of the conceptual framework is based on resource-based view theory. The mailed survey was carried out on 100 randomly selected, high technology companies in Malaysia. 58 respondents were used for subsequent analyses. T-test analysis showed that the company management should focus more on R&D resources especially on financial and infrastructure resources. In addition, the companies also need to increase efforts in the QMP especially in human resource management. In addition, the commitment to quality and customer focus are important elements in the implementation of QMP. Company performances for high technology companies in Malaysia are found to be in satisfactory level. One way analysis of variance analysis shows that R&D resources, QMP and company performance did not differ according to size, cluster and duration of the operation. This shows that there is insufficient evidence to support the existence of differences based on statistical evidence. Partial least square analysis supports QMP as a mediator between R&D resources and company performance. Besides contributing to increasing knowledge and understanding of the relationship between QMP, R&D resources and company performance in the high technology firms, this research finding also allows the practitioner to obtain a deeper knowledge concerning the effects of QMP in research and development.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	DEKLARASI	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SIMBOL	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan	1
	1.1 Latarbelakang Penyelidikan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Objektif Penyelidikan	12
	1.3.1 Persoalan Penyelidikan	13
	1.4 Signifikasi Kajian	13
	1.5 Skop Penyelidikan	14
	1.6 Definisi Istilah	15
	1.7 Susunan Penyampaian Penyelidikan	16
2	KAJIAN LITERATUR	17
	2.1 Pengenalan	17
	2.2 Penyelidikan dan Pembangunan	17
	2.2.1 Definisi Penyelidikan dan Pembangunan	18
	2.2.2 Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) di Malaysia	19

2.2.3	P&P Di Syarikat Berteknologi Tinggi	26
2.2.4	Sumber Penyelidikan dan Pembangunan	29
2.2.4.1	Sumber fizikal P&P (kewangan dan infrastruktur)	31
2.2.4.2	Sumber bukan fizikal P&P (sokongan sumber manusia dan kolaborasi)	34
2.3	Syarikat Berteknologi Tinggi	39
2.3.1	Sumbangan Syarikat Berteknologi Tinggi Kepada Ekonomi Malaysia	40
2.4	Prestasi Syarikat	43
2.5	Amalan Pengurusan Kualiti (QMP)	49
2.5.1	Apa Itu Amalan Pengurusan Kualiti (QMP)?	49
2.5.2	QMP Di Syarikat Berteknologi Tinggi	55
2.5.3	Enam Dimensi Amalan Pengurusan Kualiti	61
2.5.3.1	Komitmen kualiti	63
2.5.3.2	Tumpuan pelanggan	64
2.5.3.3	Pengurusan data dan maklumat	65
2.5.3.4	Pengurusan sumber manusia	65
2.5.3.5	Pengurusan proses	66
2.5.3.6	Pengurusan pembekal	67
2.6	Asas Teori	69
2.6.1	Teori Pandangan Berasaskan Sumber (RBV)	70
2.7	Kerangka Konsep	72
2.7.1	Sumber P&P dan QMP	72
2.7.2	Amalan Pengurusan Kualiti Dan Prestasi Syarikat	74
2.7.3	Sumber P&P Dan Prestasi Syarikat	76
2.7.4	QMP Sebagai Perantara Di antara Sumber P&P Dan Prestasi Syarikat	79
2.8	Rumusan	85
3	METODOLOGI	87
3.1	Pengenalan	87
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	88
3.3	Kaedah Kuantitatif	89
3.4	Pembangunan Soal Selidik	91

3.4.1	Konstruk Prestasi Syarikat	91
3.4.2	Konstruk Amalan Pengurusan Kualiti	92
3.4.3	Konstruk Sumber Penyelidikan Dan Pembangunan	98
3.5	Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	102
3.6	Rangka Persampelan	104
3.7	Teknik Analisis Data	105
3.8	Rumusan	124
4	ANALISIS DATA DAN PENEMUAN PENYELIDIKAN	125
4.1	Pengenalan	125
4.2	Pengutipan Data	125
4.3	Pra-analisis	127
4.3.1	Analisis Pencilan Univariat Dan Bivariat	127
4.3.2	Ujian Kenormalan	129
4.3.3	<i>Common Method Variance (CMV)</i>	131
4.3.4	Pemboleh Ubah Luaran (<i>Control Variable</i>)	131
4.3.5	Penilaian Model Pengukuran	132
4.3.5.1	Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman	134
4.3.5.2	Kebolehpercayaan indikator	134
4.3.5.3	<i>Convergent Validity</i>	135
4.3.5.4	Kesahan diskriminan	138
4.3.6	Model Struktural	143
4.3.6.1	Isu Kekolinearan	143
4.3.6.2	Pekali Laluan (<i>Path Coefficients</i>)	144
4.3.6.3	Pekali penentu (<i>Coefficient of Determination</i>)	145
4.3.6.4	Kerelevanan Ramalan (Q^2)	146
4.4	Analisis Deskriptif	147
4.4.1	Perihalan Data Profil	147
4.4.2	Perihalan Pemboleh Ubah	149
4.5	Analisis Inferensi	149
4.5.1	Analisis Univariat	149
4.5.2	Analisis Multivariat	151
4.5.3	Analisis Perantara	158

4.6	Rumusan Ujian Hipotesis	159
4.7	Rumusan	162
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	PENAMBAHBAIKAN	163
5.1	Pengenalan	163
5.2	Sorotan Penyelidikan	163
5.3	Perbincangan Penemuan Penyelidikan	165
5.4	Cadangan Kepada Pihak Yang Berkaitan	171
5.5	Implikasi Dapatan Penyelidikan	174
	5.5.1 Implikasi Teori	174
	5.5.2 Implikasi Kepada Pengamal	176
5.6	Limitasi Penyelidikan Dan Cadangan Untuk Penyelidikan Susulan	177
	RUJUKAN	179
	Lampiran A-H	203-219

SENARAI JADUAL

NO	PERKARA	HALAMAN
1.1	Contoh prinsipal, teknik dan alat dalam amalan pengurusan kualiti	4
1.2	Peningkatan bajet P&P	7
2.1	Definisi P&P	18
2.2	Perbezaan antara syarikat berteknologi tinggi dan syarikat industri tradisional	27
2.3	Antara kajian yang menggunakan ukuran prestasi syarikat	45
2.4	Pelbagai dimensi QMP	51
2.5	Ringkasan kajian dan penulisan tentang QMP dan Prestasi syarikat	57
2.6	Dimensi QMP yang digunakan	69
2.7	Antara penyelidikan yang pernah dijalankan	78
2.8	Himpunan hipotesis penyelidikan	86
3.1	Ukuran prestasi syarikat	91
3.2	Ukuran komitmen kualiti	93
3.3	Ukuran tumpuan pelanggan	94
3.4	Ukuran pengurusan data dan maklumat	95
3.5	Ukuran pengurusan sumber manusia	96
3.6	Ukuran pengurusan proses	97
3.7	Ukuran pengurusan pembekal	98
3.8	Ukuran infrastruktur	99
3.9	Ukuran kewangan	100
3.10	Ukuran sokongan sumber manusia	101
3.11	Ukuran kolaborasi	102
3.12	Rumusan Komen dan cadangan daripada pra ujian	103
3.13	Ujian kebolehpercayan (n=12)	104

3.14	Saiz sampel	104
3.15	Rumusan garis panduan kesahan bagi menilai model pengukuran	114
3.16	Rumusan garis panduan kesahan model struktural	117
3.17	Rumusan kelebihan PLS-SEM	122
3.18	Persoalan penyelidikan dan teknik analisis untuk penyelidikan ini	124
4.1	Kadar maklum balas responden	127
4.2	Semakan cerapan pencilan dan ekstrem menggunakan plot kotak	128
4.3	Semakan cerapan pencilan dan ekstrem menggunakan gambarajah serakan	129
4.4	Statistik kepencongan dan kurtosis bagi setiap pemboleh ubah kajian (n=58)	130
4.5	Kesan pemboleh ubah luaran	132
4.6	Penilaian model pengukuran	135
4.7	Kriteria Fornell-Larcker	139
4.8	Hasil muatan silang menggunakan <i>SmartPLS-SEM</i>	140
4.9	Nilai VIF	143
4.10	Pekali laluan, statistik-t, tahap signifikan bagi setiap pemboleh ubah	144
4.11	Pekali laluan, statistik-t, dan aras signifikan antara dimensi	145
4.12	Kesesuaian Ramalan (<i>Predictive Relevance</i>)	146
4.13	Profil syarikat	148
4.14	Jawatan Responden	148
4.15	Ujian-t berdasarkan dimensi	150
4.16	Ujian-t mengikut konstruk	150
4.17	Analisis varians berdasarkan kluster syarikat	152
4.18	Ujian Levene berdasarkan kluster syarikat	153
4.19	ANOVA mengikut kluster syarikat	153
4.20	Analisis varians berdasarkan tempoh beroperasi syarikat	155
4.21	Analisis varians berdasarkan saiz syarikat	157
4.22	Hasil <i>Bootstrapping</i> menggunakan <i>SmartsPLS-SEM</i>	159
4.23	Rumusan Hipotesis	160

SENARAI RAJAH

NO	PERKARA	HALAMAN
1.1	Model interaktif inovasi	2
1.2	Tempoh masa sebelum dan selepas pelaksanaan amalan pengurusan kualiti di BIC	10
2.1	GERD dan nisbah GERD/GDP Malaysia bagi tahun 2000 - 20012	20
2.2	Sokongan kerajaan terhadap inovasi mengikut jenis, 2005 - 2008	25
2.3	Objektif aktiviti inovasi	41
2.4	P&P dan prestasi syarikat	44
2.5	RBV merentasi masa	70
2.6	Hasil jualan (tanpa QMP) Unilever Pakistan Ltd pada 1991 - 2007	81
2.7	Perbandingan ramalan hasil jualan tanpa QMP dan hasil jualan sebenar dengan QMP pada tahun 2008 hingga 2011 bagi Syarikat Unilever Pakistan Ltd	82
2.8	Hasil jualan (tanpa QMP) Unilever Pakistan Ltd pada 1991 - 2007	83
2.9	Perbandingan ramalan hasil jualan tanpa QMP dan hasil jualan sebenar dengan QMP pada tahun 2008 hingga 2011 bagi Syarikat Reckitt dan Benckiser Pakistan Ltd	84
2.10	Kerangka konsep	85
3.1	Proses penyelidikan	90
3.2	Diagram konstruk reflektif dan formatif	110
3.3	Prosedur penilaian model struktural	115
3.4	Prosedur analisis perantara dalam PLS-SEM	121
4.1	Model struktural yang dicadangkan	133
4.2	Model struktural penyelidikan akhir	142

4.3 Model perantara

158

SENARAI SIMBOL

P&P	-	Penyelidikan dan Pembangunan
R&D	-	<i>Research and Development</i>
QMP	-	Amalan pengurusan kualiti
ETP	-	Program Transformasi Ekonomi
S&T	-	Sains dan Teknologi
MTDC	-	Malaysian Technology Development Corporation
MIF	-	Dana Inovasi Mudharabah
RM	-	Ringgit Malaysia
GERD	-	<i>Gross Expenditure on Research and Development</i>
PNK	-	Pendapatan Negara Kasar
ROA	-	Pulangan atas aset
ROS	-	Pulangan atas jualan
ROI	-	Pulangan atas pelaburan
NSRD	-	<i>National Survey Research and Development</i>
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
MiGHT	-	<i>Malaysian Industry Government Group for High Technology</i>
BiotechCorp	-	Perbadanan Bioteknologi Malaysia
NBP	-	Dasar Bioteknologi Negara
RSE	-	Saintis, penyelidik dan jurutera
RBV	-	<i>Resource Based View</i>
GMP	-	<i>Good Manufacturing Practice</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	HALAMAN
A	Perbandingan Perbelanjaan P&P (2009)	203
B	Dana Pembangunan dan penyelidikan dan pengkomersialan di bawah tempoh RMK-10.	204
C	Ringkasan insentif P&P	205
D	Borang Soal Selidik	207
E	Latar belakang responden untuk pra analisis	214
F	Analisa Univariat menggunakan plot kotak	215
G	Analisa Bivariat menggunakan Gambarajah Serakan	217
H	Hasil Ujian <i>Harman's Single-Factor</i>	219

BAB 1

PENGENALAN


1.1 Latarbelakang Penyelidikan

Persekitaran perniagaan hari ini memperlihatkan keutamaan inovasi dan kualiti untuk persaingan global (Fuentes, Lloréns, Molina, dan Albacete, 2011; Khalil, 2000). Konsep ini dilihat menjadi garis panduan untuk kecemerlangan pengurusan dalam dunia perniagaan (Zehir, Müceldili, Zehir, dan Ertosun, 2012) dan membantu syarikat mencipta kekayaan. Perlaksanaan amalan pengurusan kualiti memandu syarikat mencapai prestasi tinggi dan pengurusan inovasi yang mampan (Sousa dan Voss, 2008).

Perubahan teknologi adalah penentu kepada perkembangan produktiviti dalam jangka masa panjang dan seterusnya memberi kesan kepada peningkatan kualiti kehidupan manusia (*Congressional Budget Office*, 2005). Teknologi maju yang dibangunkan adalah hasil dari inovasi yang meliputi proses reka cipta produk baru dan penambahbaikan produk sedia ada serta pengurangan kos produk dan perkhidmatan sedia ada. Penubuhan jabatan atau unit Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) membolehkan syarikat melakukan transformasi dari aktiviti *reverse engineering* kepada inovasi produk (Hu, Jefferson, dan Jinchang, 2003) dan seterusnya menggalakkan saintis, jurutera, usahawan, dan inventor membangunkan produk inovasi yang boleh dikomersialisasikan.

Justeru, penyelidik melihat terdapat peluang untuk mengkaji perkaitan di antara inovasi, P&P dan komersialisasi bagi syarikat berteknologi tinggi. Perkaitan ini dapat dijelaskan melalui model interaktif inovasi (Rajah 1.1) yang telah dibangunkan oleh

Rothwell dan Zegveld (1985), di mana model ini memperlihatkan hubungan di antara penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi yang membentuk satu model inovasi yang bermula dengan pencetusan idea yang antaranya diperoleh dari tarikan pasaran atau tolakan teknologi.



Rajah 1.1: Model interaktif inovasi
Sumber: Rothwell dan Zegveld (1985)

Model yang dikenali sebagai proses inovasi ini juga memperlihatkan keupayaan syarikat dan mempunyai hubungan dengan sains dan teknologi serta pasaran. Tumpuan model ini adalah fungsi organisasi seperti P&P, kejuruteraan dan rekabentuk, pembuatan serta pemasaran dan jualan. Penyelidik berpendapat yang hubungan komunikasi di dalam model ini adalah bukan linear. Setiap tahap memerlukan maklumbalas yang dapat diperoleh daripada semua tahap atau fungsi seperti maklumbalas daripada pasaran dan sebagainya. Oleh itu, syarikat yang dapat menguruskan proses inovasi ini dengan efektif akan berjaya di dalam inovasinya.

Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati terdapat kelemahan pada model interaktif inovasi oleh Rothwell dan Zegveld (1985) yang tidak menekankan elemen kualiti di dalam proses inovasinya. Pendekatan model inovasi dari Eropah ini berbeza berbanding pendekatan inovasi dari negara Jepun yang menekankan elemen kualiti di dalam penghasilan sesuatu produk. Syarikat Jepun akan melibatkan pakar kualiti pada setiap fasa rekabentuk, menilai kualiti dengan jelas bagi setiap alternatif reka bentuk (Flynn, Flynn dan Hall, 1992). Ini dilihat lebih munasabah daripada pembetulan kualiti

setelah rekabentuk menjadi produk yang telah dipasarkan, dimana ia boleh menjejaskan imej pasaran dan penguasaan pasaran.

Tambahan lagi, pendekatan menghasilkan produk berkualiti tinggi dengan kos pengeluaran yang rendah telah membantu Jepun berjaya mendominasi ekonomi dunia pada tahun 1980an (Flynn *et al.*, 1992). Sektor pembuatan Jepun masih kukuh menghadapi persaingan global dan ketidakpastian ekonomi semasa. Menurut Phan, Abdallah dan Matsui (2011), syarikat pembuatan Jepun mampu mengekalkan kelebihan persaingan di dalam menghadapi masalah ekonomi global ini melalui pelaksanaan amalan pengurusan kualiti yang berkesan. Justeru, atas alasan ini penyelidik meletakkan amalan pengurusan kualiti ke dalam model penyelidikan yang dibangunkan setelah melihat kepentingan kualiti di dalam penghasilan produk inovasi untuk syarikat meningkatkan prestasi serta memperoleh kelebihan persaingan.

Inovasi adalah komersialisasi reka cipta (Walsh, Kirchoff, dan Newbert, 2002). Manakala, komersialisasi adalah proses penyampaian produk atau perkhidmatan kepada pengguna. Perkara yang sukar dalam perubahan inovasi adalah untuk mencipta produk inovatif yang boleh dikomersialisasikan (Walsh *et al.*, 2002). Selain menitikberatkan elemen komersial pada sesuatu produk, elemen kualiti juga perlu diberi perhatian oleh syarikat sama ada pada rekabentuk produk, fungsi, ketahanan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Bossink, Gieskes dan Pas (1992) berpendapat kualiti produk banyak ditentukan oleh rekabentuk produk tersebut.

Kebanyakan syarikat tempatan menghadapi masalah penerimaan produk daripada pengguna tempatan sendiri. Di mana hasil P&P penyelidik tempatan sukar untuk dikomersialkan kerana tidak mendapat kepercayaan dari syarikat lain dan masyarakat tempatan berikutan kesangsian kualiti produk yang dihasilkan (Komo, 2006). Oleh itu, penyelidik berpendapat walaupun elemen kepercayaan ini sukar diubah, namun pihak syarikat yang berteraskan P&P perlu membuktikan bahawa produk yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi dengan memenuhi piawaian di dalam atau di luar negara. Justeru, pengurusan kualiti pada aktiviti P&P perlu diberi perhatian.

Prinsip asas bagi amalan terbaik iaitu operasi falsafah, konsep dan teknik harus dipandu menggunakan tanda aras yang kompetitif. Ianya digunakan sebagai model

kecemerlangan perniagaan untuk meningkatkan daya saing sesebuah syarikat melalui pembangunan sumber manusia, proses dan teknologi (Zairi, 1999). Pelaksanaan amalan ini akan memacu syarikat berteknologi tinggi memperoleh prestasi cemerlang (Flynn, Schroeder, dan Flynn, 1999; Camp, 1989). Kaynak dan Hartley (2005) berpendapat syarikat perlu menggunakan konsep kualiti pada semua bidang tugas. Secara spesifik, Jadual 1.1 menunjukkan contoh prinsipal, teknik dan alat dalam amalan pengurusan kualiti.

Jadual 1.1: Contoh prinsipal, teknik dan alat dalam amalan pengurusan kualiti

PRINSIPAL	TEKNIK	ALAT
Komitmen pengurusan atasan	Rumah kualiti atau Quality function deployment (QFD)	Carta aliran proses
Tumpuan pelanggan Pembaikan berterusan Pembelajaran	Bulatan kualiti Perkasaan pekerja Tepat pada masa (JIT)	Lembaran semak Histogram Analisis Pareto
Budaya kualiti	Tanda aras	Analisis sebab dan akibat
Tumpuan proses Keputusan berdasarkan fakta	Six Sigma Konsep Taguchi	Carta kawalan Rajah taburan

Sumber: Mohd Ashari (2004)

Elemen permintaan pelanggan dan pengurusan kualiti perlu diambilkira sebelum idea dikembangkan. Syarikat yang menggunakan amalan pengurusan kualiti memperoleh beberapa faedah seperti kualiti produk yang tinggi, kepuasan pelanggan yang tinggi, pengurangan kos, peningkatan kewangan, prestasi inovasi, dan kepuasan pekerja (Zehir *et al.*, 2012) dan ini menjadi kelebihan persaingan pada syarikat (Chin, Rao Tummala, dan Chan, 2002). Tambahan lagi, amalan pengurusan kualiti juga membantu syarikat lebih memahami pelanggan dari segi jangkaan dan keperluan mereka (Jayawarna dan Holt, 2009).

Syarikat berteknologi tinggi perlu menghasilkan produk, proses atau perkhidmatan baru yang berkualiti tinggi (Ojanen, Piippo, dan Tuominen, 2002). Kualiti tidak hanya meningkatkan reputasi syarikat dan produk di mata pelanggan, tetapi ia juga membolehkan syarikat memperoleh keuntungan yang tinggi, memperluaskan penguasaan pasaran dan mempertingkatkan pertumbuhan syarikat secara umumnya. Calantone dan

Knight (2000) menegaskan elemen kualiti dalam aktiviti P&P adalah salah satu faktor yang mempengaruhi prestasi syarikat. Pengurusan kualiti boleh diaplikasikan pada kebanyakan jabatan seperti jabatan operasi, P&P, dan khidmat pelanggan. Tambahan lagi, amalan pengurusan kualiti juga boleh digunakan untuk pengurusan P&P, seperti memahami keperluan pelanggan, menguatkan hubungan dan kerjasama di antara jabatan dan rakan kolaborasi (Ojanen *et al.*, 2002).

Selain elemen kualiti, elemen sumber P&P juga dijangkakan mempengaruhi prestasi syarikat. Kajian oleh Sher dan Yang (2004) menunjukkan syarikat yang mempunyai perbelanjaan P&P yang tinggi dan sumber tenaga kerja P&P yang ramai lazimnya mempunyai prestasi syarikat (prestasi kewangan) yang lebih baik. Oleh itu, bagi meningkatkan prestasi syarikat adalah penting mengambil kira elemen sumber P&P dan amalan pengurusan kualiti.

1.2 Pernyataan Masalah

Transformasi daripada negara berpendapatan rendah kepada negara berpendapatan sederhana, memerlukan model yang menekankan keperluan struktur ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Transformasi ke arah aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi memerlukan pertumbuhan produktiviti yang berterusan. Pemboleh produktiviti antaranya dipacu oleh pemboleh inovasi seperti Penyelidikan dan Pembangunan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Produktiviti bakal menjadi pemangkin untuk merealisasikan potensi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Justeru, kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 25 Oktober 2010 yang bertujuan untuk mencapai matlamat sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (dipetik dari <http://www.1malaysia.com.my/blog/dasar-transformasi-negara-berjaya/>).

Tambahan lagi, jangkaan pada masa akan datang, masyarakat Malaysia bukan hanya pengguna teknologi tetapi lebih dari itu, sebagai penyumbang pada pembangunan Sains dan Teknologi (Islam, 2010). Bagi mencapai Wawasan 2020 yang telah diasaskan

oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Malaysia perlu mencipta pasaran baru dengan menawarkan produk dan perkhidmatan melalui penguasaan teknologi dan sentiasa mencari aplikasi baru bagi teknologi sedia ada. Pengkomersialan hasil P&P yang berkualiti memainkan peranan penting untuk mencapai Wawasan 2020 negara.

Menurut MOSTE (2002), bagi menyahut cabaran dan perubahan ekonomi global yang pantas, Kementerian Sains, Teknologi dan Persekitaran telah mengkaji semula Dasar Sains dan Teknologi Kebangsaan 1986. Dasar Sains dan Teknologi Kebangsaan ke II telah digubal dengan memberi penekanan kepada penjanaaan dan perolehan pengetahuan, pengkomersialan hasil P&P, peningkatan daya saing industri, menggalakkan penglibatan yang meluas di kalmakltaaangan sektor swasta, serta memberi tumpuan ke atas pembinaan kemampuan dan keupayaan dalam bidang sains dan teknologi (S&T) pada masa hadapan. Tambahan lagi, Malaysia telah memulakan dasar di mana ekonomi masa hadapan negara akan banyak bergantung kepada P&P, sains dan teknologi yang berlandaskan pemasaran. Justeru, usaha untuk melahirkan syarikat berteknologi tinggi bagi mempergiatkan aktiviti P&P yang menghasilkan penemuan yang bernilai komersial adalah sangat penting.

Kerajaan memandang serius dalam menyokong aktiviti penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi. Aton (2006) mengatakan bahawa untuk memastikan aktiviti P&P menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara selain memerlukan kewangan yang mencukupi, ia juga memerlukan kerjasama yang jitu dan proaktif daripada pihak kerajaan dan syarikat yang berasaskan teknologi. Oleh itu, kerajaan telah menyediakan pelbagai fasiliti seperti infrastruktur, kewangan, insentif dan tenaga pakar untuk menyokong aktiviti P&P. Tambahan lagi, kerajaan Malaysia telah meningkatkan usaha komersialisasi sekurang-kurangnya 10% projek P&P di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010).

Usaha bagi menyokong pembangunan inovasi negara diteruskan lagi dalam RMK-10 (2011-2015). Berikut adalah perkara-perkara yang digariskan oleh kerajaan (Unit Perancang Ekonomi, 2010):

- (i) Sebuah unit khas ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi memandu dan mengarah keberkesanan sistem inovasi negara serta program pembangunan inovasi sedia ada (dipetik dari <http://innovation.my/>);

- (ii) Pembiayaan kerajaan kepada syarikat modal teroka awam (Malaysian Technology Development Corporation-MTDC dan Malaysian Venture Capital Management Bhd) akan berbentuk ekuiti dan bukan pinjaman (dipetik dari <http://www.mtdc.com.my/>);
- (iii) Dana Inovasi Mudharabah (MIF) dengan peruntukan sebanyak RM500 juta akan diperkenal bagi menyediakan modal berisiko kepada syarikat modal teroka kerajaan (dipetik dari <http://www.treasury.gov.my/>);
- (iv) Dana Perkembangan Perniagaan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM150 juta akan ditubuhkan bagi merapatkan jurang pembiayaan antara pengkomersialan peringkat awal dan pembiayaan modal teroka bagi produk berteknologi tinggi (dipetik dari <http://www.mtdc.com.my/>); dan
- (v) Undang-undang kebangkrapan akan dipermudah untuk menyokong budaya mengambil risiko terhitung, menghapuskan stigma kegagalan dan membenarkan usahawan berkaliber lagi berwibawa yang gagal untuk kembali aktif.

P&P di Malaysia telah berkembang pada saban tahun, ini dapat dilihat melalui tren yang sentiasa meningkat dalam Perbelanjaan Kasar P&P atau *Malaysia Gross Expenditure on Research and Development* (GERD). Jadual 1.2 menunjukkan peningkatan perbelanjaan yang diperuntukkan untuk aktiviti P&P di Malaysia dari Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu dari RM414 juta kepada RM3.6 bilion. Tren peningkatan perbelanjaan ini jelas memberi gambaran bahawa Malaysia telah berusaha meningkatkan inovasi untuk pembangunan negara.

Jadual 1.2: Peningkatan bajet P&P

Rancangan Malaysia	Tahun	Peruntukan (RM)
RMK-5	1986-1990	414 juta
RMK-6	1991-1995	629 juta
RMK-7	1996-2000	935 juta
RMK-8	2001-2005	1.4 bilion
RMK-9	2006-2010	3.6 bilion

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (1986; 1991; 1996; 2001; 2006)

Sungguhpun demikian, terdapat kajian yang mendapati peratus kejayaan komersialisasi di Malaysia adalah kecil. Satu kajian yang dilakukan oleh Abdullah *et al.* (1995) mendapati peratusan kejayaan komersialisasi hasil penyelidikan di Malaysia adalah sangat kecil. Ini dibuktikan dengan hasil kajian ke atas 5,232 projek P&P yang dijalankan

oleh institusi penyelidikan awam dan universiti pada RMK-6 dan RMK-7 menunjukkan 14.1 peratus projek P&P dikenalpasti berpotensi dikomersialkan, tetapi hanya 5.1 peratus projek P&P yang berjaya dikomersialkan (Unit Perancang Ekonomi, 2001). Kadar komersialisasi P&P yang rendah juga terbukti melalui penilaian projek P&P di bawah pembiayaan program IRPA pada RMK-7, hanya 3.4 peratus projek berjaya dikomersialkan pada tempoh RMK-8 (Unit Perancang Ekonomi, 2006). Menurut Khalil (2000), peratusan projek P&P yang berjaya dikomersial adalah kecil dengan nisbah 1 dari 10 untuk industri tertentu dan kadangkala ianya serendah 1 dari 3,000.

Laporan yang disediakan oleh MASTIC (2010) ada menyatakan bahawa Malaysia berada di kedudukan 24 daripada 139 buah negara yang terlibat dalam daya saing inovasi secara global, tempat pertama diduduki oleh Amerika Syarikat diikuti dengan Switzerland. Manakala jiran terdekat Malaysia iaitu Singapura menduduki tempat ke-9, Indonesia dan Thailand masing-masing menduduki tempat ke-36 dan 52. Justeru, kedudukan Malaysia dalam daya saing inovasi secara global ini dilihat baik iaitu pada kedudukan ke-24 dari 139 buah negara. Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa negara berada pada daya saing inovasi yang baik terutamanya apabila dibandingkan di kalangan negara-negara ASEAN.

Menurut MITI (1996), penglibatan syarikat swasta di dalam aktiviti P&P adalah penting sekali kepada kemajuan pengindustrian negara. Melalui aktiviti P&P syarikat boleh melakukan penambahbaikan, mencipta atau menghasilkan teknik, proses, produk dan teknologi baru untuk diperkenalkan kepada pasaran domestik atau tujuan eksport (Kafouros, 2008). Oleh itu, bagi merangsangkan sektor swasta melibatkan diri dalam aktiviti P&P, kerajaan Malaysia telah menyediakan pelbagai insentif yang sesuai untuk aktiviti P&P. Tambahan lagi, terdapat akta yang disediakan bagi pemotongan cukai dan pemberian elaun di bawah akta *Income Tax 1967* dan *Promotion of Investments Act 1986* sebagai galakan.

Selain menyokong pembangunan negara, syarikat berteknologi tinggi melabur dalam P&P kerana pulangan yang tinggi dari pelaburan berbanding pelaburan ke atas harta tetap (Ettlie, 2006). Menurut Rosenbusch, Brinckmann, dan Bausch (2011), walaupun memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan P&P, ianya tidak menjamin peningkatan inovasi dan komersialisasi. Ini kerana proses membangunkan inovasi adalah kompleks dan mempunyai risiko yang tinggi. Tambahan lagi, peningkatan perbelanjaan P&P sahaja


tidak boleh menjadi sumber penciptaan nilai dan syarikat berteknologi tinggi mungkin tidak dapat meningkatkan kelebihan daya saing (Lin, Lee, dan Hung, 2006). Oleh itu, syarikat berteknologi tinggi perlu menumpukan lebih banyak sumber untuk pengkomersialan hasil P&P bagi meningkatkan prestasi syarikat.

Banyak usaha dilakukan bagi mendapatkan amalan terbaik untuk menyokong syarikat mencapai prestasi yang cemerlang, antaranya dengan melakukan tanda aras dengan syarikat lain yang mempunyai prestasi terbaik dalam kelasnya. Amalan terbaik merupakan kerjasama di antara pihak syarikat dan pekerja bermula dari proses input hingga produk berjaya sampai kepada pengguna yang melibatkan kepimpinan, perancangan, pengguna, pembekal, kolaborasi, pengeluaran dan pengedaran produk atau perkhidmatan, dan penggunaan tanda aras (Prajogo dan Hong, 2008; Reijers dan Mansar, 2005). Amalan-amalan ini jika dilaksanakan secara berkesan akan memberi impak ke atas kualiti, khidmat pelanggan, ketepatan masa, inovasi, kos, dan daya saing serta boleh meningkatkan prestasi syarikat secara keseluruhannya (Reijers dan Mansar, 2005). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian gagal untuk menyelidik kesan amalan ini ke atas prestasi syarikat (Laugen, Acur, Boer, dan Frick, 2005; Pignanelli dan Csillag, 2008).

Kualiti adalah satu aspek penting dalam memastikan produk berdaya saing. Dalam jangka masa panjang, apabila kualiti diberi tumpuan dengan betul, ianya akan memberi kesan seperti peningkatan jualan dan tanggungan kos (contohnya, kos kerja semula dan kos produk cacat) boleh dikurangkan (Calantone dan Knight, 2000). Selain itu, Toivonen (2012) menganggap bahawa kualiti yang baik akan menarik pelanggan untuk membeli produk. Bagi sesetengah pengguna, kualiti produk yang ketara adalah lebih penting daripada kualiti produk tidak ketara.

Apakah terdapat perbezaan pada prestasi syarikat setelah melaksanakan amalan pengurusan kualiti? Shahin (2011) telah melakukan kajian kes ke atas syarikat Boutan Industrial Corporation (BIC), serta memilih Parskhazar, Arj, dan Azmayesh Corporations (sebagai indeks piawai) dengan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pengumpulan data dilakukan ke atas populasi syarikat yang mempunyai nisbah kewangan dari tahun 1993 hingga 2003 (lihat Rajah 1.2). Hasil kajian menunjukkan bahawa prestasi kewangan BIC berbanding dengan organisasi piawai dalam tempoh selepas pelaksanaan (dari tahun 1999 hingga 2003) QMP adalah lebih tinggi daripada

tempoh sebelum pelaksanaan (dari tahun 1993 hingga 1998). Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian, Shahin (2011) mencadangkan pihak syarikat melaksanakan amalan pengurusan kualiti seperti TQM untuk meningkatkan prestasi, termasuklah prestasi kewangan syarikat.



Rajah 1.2: Tempoh masa sebelum dan selepas pelaksanaan amalan pengurusan kualiti di BIC

Sumber: Shahin (2011)

